

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI I : 2024 / 2025**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 20203
MIKROEKONOMI**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **DUA BELAS (12)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan ekonomi? CLO1
T1

- A** Bagaimana manusia menguruskan sumber ekonomi yang terhad untuk mencapai kepuasan maksimum.
- B** Tingkah laku manusia untuk memilih barangan yang terhad bagi mencapai keuntungan maksimum.
- C** Bagaimana manusia menguruskan sumber ekonomi yang terhad untuk memenuhi kehendak manusia yang tidak terhad.
- D** Tingkah laku manusia untuk membuat keputusan bagi mengeluarkan barangan yang tidak terhad untuk menyelesaikan masalah ekonomi.

2. Pernyataan manakah yang tepat bagi barang percuma? CLO1
T1

- A** Penawarannya adalah terhad.
- B** Barang yang dianugerahkan oleh Tuhan.
- C** Barang yang diberi percuma oleh kerajaan.
- D** Barang yang dikeluarkan oleh pihak swasta.

3. CLO1
T1

- Wujud akibat faktor pengeluaran yang terbatas
- Menyebabkan timbulnya masalah pilihan

Pilih jawapan yang tepat bagi menerangkan pernyataan di atas.

- A** Pilihan
- B** Kos lepas
- C** Kelebihan
- D** Kekurangan

4. Manakah antara berikut ciri-ciri sistem ekonomi pasaran bebas (kapitalis)?

CLO1

T1

- I. Wujud persaingan antara firma.
- II. Kebajikan masyarakat diutamakan.
- III. Kerajaan tidak campur tangan dalam ekonomi.
- IV. Kerajaan menentukan penggunaan sumber ekonomi.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

5.

CLO1

T1



Rajah 1

Maklumat rajah 1 di atas menunjukkan perbualan antara dua orang individu dari dua buah negara. Manakah antara sistem ekonomi berikut, yang diamalkan di negara mereka?

	Individu A	Individu B
A	sistem ekonomi pasaran bebas (kapitalis)	sistem ekonomi perancangan pusat (sosialis)
B	sistem ekonomi perancangan pusat (sosialis)	sistem ekonomi campuran
C	sistem ekonomi islam	sistem ekonomi campuran
D	sistem ekonomi perancangan pusat (sosialis)	sistem ekonomi pasaran bebas (kapitalis)

6. Apakah yang dimaksudkan dengan penawaran? CLO1
T2

- A Jumlah barang yang ingin dan mampu dibeli oleh pengguna dalam suatu tingkat harga tertentu.
- B Jumlah barang yang ingin dan sanggup dikeluarkan oleh pengeluar pada suatu tingkat harga tertentu.
- C Jumlah barang yang ingin dan mampu dibeli oleh pengguna pada suatu tingkat harga tertentu dan dalam jangka masa tertentu.
- D Jumlah barang yang ingin dan sanggup dikeluarkan oleh pengeluar pada suatu tingkat harga tertentu dan dalam jangka masa tertentu.

7. Nyatakan Hukum Permintaan. CLO1
T2

- A Harga barang naik, kuantiti yang diminta naik.
- B Harga barang naik, kuantiti yang diminta turun.
- C Harga barang turun, kuantiti yang diminta turun.
- D Harga barang naik, kuantiti yang diminta adalah sifar.

8. Manakah antara berikut **BUKAN** merupakan ciri-ciri keluk permintaan? CLO1
T2

- A Mencerun ke bawah dari kiri ke kanan.
- B Menunjukkan hubungan positif di antara harga dan kuantiti diminta.
- C Menunjukkan hubungan negatif di antara harga dan kuantiti diminta.
- D Paksi menegak mewakili harga barang dan paksi mendatar mewakili kuantiti barang yang diminta.

9.

Subsidi adalah pemberian oleh kerajaan bagi mengurangkan kos pengeluaran.

CLO1
T2

Merujuk pernyataan di atas, apakah kesan pemberian subsidi oleh kerajaan kepada pengeluar terhadap keluk penawaran?

- A Keluk penawaran tidak berubah.
- B Keluk penawaran akan beralih ke kiri.
- C Keluk penawaran akan beralih ke atas.
- D Keluk penawaran akan beralih ke kanan.

10. Apakah yang dimaksudkan dengan industri?

CLO1

T3

- A Satu unit pengeluaran yang berbentuk fizikal.
- B Organisasi yang memiliki sebuah loji atau banyak loji.
- C Gabungan semua firma yang menghasilkan barang yang tidak sama.
- D Gabungan semua firma yang menghasilkan barang yang sama atau hampir sama.

11. Takrifkan input tetap.

CLO1

T3

- A Input yang tidak wujud pada tingkat output sifar.
- B Input yang boleh ditambah mengikut tingkat keluaran.
- C Input yang wujud dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang.
- D Input yang tidak boleh ditambah atau dikurangkan mengikut tingkat keluaran.

12. Syarikat Megah Holding menjalankan perniagaan yang melibatkan pembinaan tapak bangunan. Syarikat menggunakan pasir, simen, lori, mesin pengisar simen dan air. Pilih input berubah yang terlibat dalam proses tersebut.

CLO1

T3

- A Pasir, simen dan air.
- B Pasir, lori dan simen.
- C Air dan mesin pengisar simen.
- D Lori dan mesin pengisar simen.

13. Berdasarkan jadual 1 di bawah, pada bilangan buruh manakah jumlah keluaran akan mencapai tahap maksimum?

CLO1

T3

Bilangan buruh	Keluaran sut
1	2
2	1
3	0
4	-1
5	-2

Jadual 1

- A Bilangan buruh 1
- B Bilangan buruh 2
- C Bilangan buruh 3
- D Bilangan buruh 4

14. Kenalpasti definisi kos jangka masa pendek.

CLO1


T4

- A** Kos yang perlu dibayar apabila pembeli membuat belian.
- B** Kos yang ditanggung oleh isi rumah untuk perbelanjaan harian.
- C** Kos yang perlu ditanggung firma untuk menghasilkan sesuatu produk.
- D** Kos yang ditanggung kerajaan untuk menyediakan kemudahan awam.

15.

CLO1

T4



Rajah 2

Berdasarkan Rajah 2 di atas, pilih pernyataan yang **BENAR** tentang Kos Berubah (VC).

- A** Jumlah perbelanjaan atau kos yang dibayar oleh firma ke atas input tetap sifar.
- B** Jumlah perbelanjaan atau kos yang dibayar oleh firma ke atas input tetap.
- C** Jumlah perbelanjaan atau kos yang dibayar oleh firma ke atas input berubah.
- D** Jumlah perbelanjaan atau kos yang dibayar oleh firma ke atas input tetap dan input berubah.

16. Jadual 2 di bawah menunjukkan kos purata untuk Perniagaan Azam Yakin.

CLO1T4

Output (unit)	Kos Purata (RM)
1	350
2	225
3	217
4	188

Jadual 2

Berdasarkan jadual 2, pilih kesimpulan yang tepat berkaitan kos purata perniagaan tersebut.

- A Semakin menurun.
 - B Semakin meningkat.
 - C Paling tinggi pada output ke 4.
 - D Paling rendah pada output ke 2.
17. Manakah antara berikut ciri firma pasaran monopoli?

CLO1T5

- A Penjual tunggal.
- B Kebebasan keluar masuk pasaran.
- C Bilangan penjual dan pembeli yang ramai.
- D Produk yang dikeluarkan adalah homogen.

18. Nyatakan untung yang diperoleh apabila jumlah hasil ditolak dengan kos eksplisit dan kos implisit.

CLO1T5

- A Untung rugi
- B Untung ekonomi
- C Untung kerajaan
- D Untung perakaunan

19.


Pasaran persaingan sempurna merupakan pasaran yang mempunyai ramai penjual dan pembeli.

CLO1T5

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah yang akan berlaku apabila sebuah firma dalam pasaran persaingan sempurna menaikkan harga produknya?

- A** Firma lain dalam pasaran akan menaikkan harga barang.
- B** Pengguna akan membeli barang daripada firma lain dalam pasaran.
- C** Firma lain dalam pasaran akan menjalankan persaingan bukan harga.
- D** Pengguna membayar harga barang yang tinggi dalam jangka pendek.

20.

CLO1T5

Rajah 3

Rajah 3 menunjukkan keseimbangan harga dan output bagi firma monopoli. Berdasarkan rajah tersebut, pilih syarat yang tepat bagi menunjukkan keadaan apabila firma monopoli menikmati untung lebih normal dalam jangka pendek.

- A** $AR > AC$
- B** $AR = AC$
- C** $AR < AC$
- D** $AC > AR$

BAHAGIAN B*[60 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- a) Senaraikan **EMPAT (4)** sumber ekonomi. CLO1

[4 markah] T1

- b) Berikan definisi dan contoh untuk pengelasan barang berikut : CLO1

i. Barang Awam T1

ii. Barang Ekonomi

[4 markah]

- c) Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan masalah asas ekonomi bagi Syarikat Infiniti Sdn Bhd. CLO1
T1

Syarikat Infiniti mengeluarkan minuman kotak yang berunsurkan perisa buah-buahan tempatan sebanyak 10,000 unit. Produk ini dikhususkan kepada pengemar minuman kotak yang berumur 14 hingga 20 tahun. Ia menggunakan teknologi moden iaitu mesin pemprosesan suhu terlampau tinggi (UHT).

Berdasarkan maklumat perniagaan di atas, terangkan **EMPAT (4)** masalah asas ekonomi serta penyelesaian setiap masalah tersebut.

[8 markah]

- d) Huraikan **DUA (2)** peranan kerajaan dalam penentuan tingkat harga. CLO1

[4 markah] T2

Soalan 2

- a) Senaraikan **EMPAT (4)** faktor yang mempengaruhi penawaran. CLO1
[4 markah] T2

- b) Jadual 3 menunjukkan hubungan antara tingkat harga dengan kuantiti yang diminta dan ditawarkan. CLO1
T2

HARGA (RM)	KUANTITI DIMINTA (DD)	KUANTITI DITAWARKAN (SS)
1	230	30
2	180	80
3	130	130
4	80	180
5	30	230

Jadual 3

Berdasarkan jadual di atas,

- i. terangkan maksud keseimbangan pasaran. [2 markah]
- ii. pilih tingkat harga dan kuantiti keseimbangan. [2 markah]
- c) i. Takrifkan pengeluaran. CLO1
[2 markah] T3
- ii. Nyatakan **EMPAT (4)** konsep pengeluaran. [4 markah]

- d) Situasi berikut adalah berkaitan dengan aktiviti pengeluaran lauk pauk sejuk beku CLO1
beku En Fathim. T3

En Fathim memulakan perniagaan lauk pauk sejuk beku di rumahnya. Beliau merupakan pengurus yang menguruskan semua aspek perniagaannya. Beliau mempunyai lima orang pekerja dan 2 peti ais yang membantu menjayakan perniagaan lauk pauk sejuk beku itu. Bahan mentah iaitu ayam dan daging diperoleh daripada pasar borong berdekatan.

Merujuk kepada situasi di atas,

- i. kenal pasti input tetap dan input berubah dalam perniagaan lauk pauk sejuk beku En Fathim.

[3 markah]

- ii. huraikan jangka masa pengeluaran lauk pauk sejuk beku bagi perniagaan En Fathim.

[3 markah]

Soalan 3

- a) Jadual 4 menunjukkan kos yang terlibat bagi Kedai Sinar Viral.

CLO1

T4

Bil	Butiran	Jenis Kos
i.	Sewa kedai	
ii.	Bahan mentah	
iii.	Bil air dan elektrik	
iv.	Upah pekerja	

Jadual 4

Isikan jenis kos sama ada kos tetap atau kos berubah di Jadual 4.

Nota : Sila jawab di helaian lampiran yang disertakan di muka surat terakhir soalan.

[4 markah]

- b) Syarikat Fazirah menjual Sambal Dendeng Nenas Berapi. Berikut merupakan maklumat pengeluaran produk perniagaan beliau.

CLO1

T4

Jumlah kos tetap (TFC)	RM 300.00
Jumlah kos berubah (TVC)	RM 140.00
Jumlah output (Q)	40 unit

Jadual 5

- Kirakan jumlah kos
- Kirakan kos purata

[4 markah]

- c) Jelaskan **TIGA (3)** ciri Pasaran Persaingan Sempurna.

CLO1

[6 markah] T5

- d) Huraikan **TIGA (3)** faktor yang boleh mewujudkan pasaran monopoli.

CLO1

[6 markah] T5

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab